

11 NOV 2001

Mahathir-perniagaan

MALAYSIA TERUS AMAL DASAR LIBERAL

GENTING HIGHLANDS, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan terus mengamalkan dasar liberal dan berorientasikan pasaran selain berpendirian bahawa semua pihak perlu bekerjasama untuk menjamin pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri berkata adalah perlu bagi masyarakat perniagaan bekerjasama dengan kerajaan bagi merangsang perniagaan serta mengukuhkan keyakinan pengguna dan untuk berdepan dengan sentimen negatif dalam keadaan ekonomi yang merosot.

Untuk itu, usaha perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan dialog kerajaan-sektor perniagaan bagi mewujudkan iklim perniagaan yang terjamin dan selamat, katanya.

Malaysia percaya bahawa semua pihak berkepentingan seperti sektor perniagaan, tenaga kerja dan kerajaan perlu bekerjasama untuk mengekalkan suasana perniagaan yang menyakinkan, katanya ketika merasmikan konvensyen Masyarakaat Fui Chiu Sedunia kali keempat di sini hari ini.

Ia dihadiri lebih 1,200 peserta dari Singapura, Taiwan, Hong Kong, China, England, Thailand, Australia, Brunei, Indonesia, Trinidad dan Malaysia.

Malaysia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 8.5 peratus tahun berbanding 5.8 peratus pada 1999, tetapi bagi tahun 2001, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan antara 1 dan 2 peratus akibat kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata sebagai langkah mengatasi kesan daripada kelemahan itu, Malaysia telah melaksanakan beberapa pakej rangsangan bertujuan menggalakkan permintaan domestik dan menyekat ekonominya daripada merosot.

Sebanyak US\$1.13 bilion diperkenalkan pada Oktober 2001 dan US\$800 juta pada Mac 2001 selain beberapa insentif baru yang diumumkan dalam Belanjawan 2002.

Dr Mahathir berkata pakej rangsangan itu diperkenalkan untuk menjana kegiatan ekonomi dan memastikan pengagihan manfaat secara adil dan meluas kepada rakyat.

Beliau juga berkata hubungan perniagaan dan sosio-budaya yang lama terjalin di kalangan masyarakat Fui Chiu di negara masing-masing menjadi lebih bermakna dengan keanggotaan China dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Katanya rangkaian perniagaan antarabangsa Fui Chiu yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai etika dan suasana perniagaan China akan memberikan kelebihan daya saing kepada masyarakat itu.

Dr Mahathir berkata masyarakat Fui Chiu perlu menggunakan kelebihan daya saing ini untuk mengukuhkan hubungan dan menjalin urusan niaga antara China dan negara masing-masing.

Katanya konvensyen sedunia masyarakat Fui Chiu itu merupakan satu peluang besar bagi anggota masyarakat itu memantapkan hubungan perniagaan dan perdagangan.

Peserta konvensyen itu terdiri anggota masyarakat Fui Chiu dari negara-negara rakan dagangan utama dan tradisi Malaysia.

-- BERNAMA

AT DC MAI